

SUMBANGAN DATO' SALLEHUDIN BIN OMAR DALAM PENDIDIKAN AL-QURAN DI MALAYSIA

Khairul Anuar bin Mohamad

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
E-mail: khairul@usim.edu.my

Sedek bin Ariffin

Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, 50603 Bangsar, Kuala Lumpur. Malaysia
E-mail: sedek2001@um.edu.my

Mohd Zaini Zakaria

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
E-mail: zaini@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengetua Darul Quran DQ yang lama berkhidmat memberi sumbangan kepada Pendidikan al-Quran di Malaysia ialah Dato' Sallehuddin Omar. Khidmat beliau sebagai pengetua DQ bermula dari tahun 1980 hingga 1993. Tokoh al-Quran ini telah memberi sumbangan yang besar kepada pendidikan al-Quran semenjak balik dari Mesir lagi iaitu pada tahun 1976 sehinggalah ke hari ini. Kajian ini adalah untuk melihat sejarah pendidikan beliau dari peringkat rendah sehingga beliau berjaya memperolehi ijazah sarjana muda. Ia juga melihat kepada pendidikannya yang mendalam dalam bidang Quran dan Qiraat serta sumbangan utama beliau dalam pendidikan Quran. Untuk itu, sejarah beliau dalam pengajian Quran dikaji bermula dari mengaji, menghafaz al-Quran dan mendalami ilmu Qiraat. Kajian ini ditulis mengikut metode temubual penulis dengan tokoh sendiri dalam beberapa sesi perjumpaan. Selain itu ia juga merujuk kepada temubual penulis dengan beberapa muridnya yang berjaya dan merujuk penulisan beberapa muridnya bersama tokoh semasa lawatan tokoh ke tempat mereka. Kajian ini mendapati bahawa Dato Sallehuddin Omar adalah tokoh yang banyak memberi sumbangan kepada berkembangnya pendidikan al-Quran di Malaysia. Beliau telah memberi cadangan kepada pihak JPA untuk dinaikkan taraf sijil tahliz kepada Diploma Tahfiz. Selain itu beliau juga telah membuat satu sumbangan yang besar dalam menerbitkan Mushaf Rasm Uthmani di mana alamat waqaf dirujuk kepada kitab Manar al-Huda.

Kata kunci: Dato Sallehuddin Omar, Pengetua Darul Quran, Sumbangan, Pendidikan al-Quran.

ABSTRACT

The long-serving principal of Darul Quran DQ who has contributed to al-Quran Education in Malaysia is Dato Sallehuddin Omar. His service as the principal of DQ began from 1980 to 1993. This al-Quran figure has made a significant contribution to al-Quran education since his return from Egypt in 1976 until now. The study was to look at his educational background from the primary level until he successfully obtained a bachelor's degree. It also looks into his in-depth education in the field of Quran and Qiraat as well as his major contributions in Quranic education. Hence, his involvement in the study of the Quran is studied starting from reciting, memorizing the Quran and gaining deeper understanding in the learning of Qiraat. The study was written according to the author's interview method with this figure in several meeting sessions. In addition, it also refers to the author's interviews with some of his successful students and refers to the writings of some of his students with him during the figure's visit to their place. This study has found that Dato Sallehuddin Omar is a figure who has contributed a lot to the development of al-Quran education in Malaysia. He has proposed to the PSD to upgrade the tahfiz certificate to the Tahfiz Diploma. Apart from that, he has also made a great contribution in publishing the Mushaf Rasm Uthmani in which the address of waqf is referred to the book of Manar al-Huda.

Keywords: Dato Sallehuddin Omar, the Principal of Darul Quran, Contribution, Al-Quran Education.

1. PENDAHULUAN

Perkembangan pengajian al-Quran yang berkembang di tanah air pada hari ini adalah usaha gigih yang telah disumbang oleh tokoh-tokoh al-Quran terdahulu. Ia bermula dengan cetusan idea penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran wal-Qiraat dan oleh Perdana Menteri pertama Malaysia iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Idea ini telah memberi ruang yang luas untuk melahirkan ramai tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran dalam bidang tahfiz dan Qiraat.

Penubuhan Maahad Tahfiz wal Qiraat yang sekarang ini dikenali Darul Quran ialah pada tahun 1966. Titik mula penubuhan ini adalah sejarah yang amat penting kerana ia memberi sumbangan besar kepada perkembangan pengajian tahfiz al-Quran ke seluruh negeri di Malaysia. Bermula dengan pengambilan pelajar seramai 8 orang untuk kali pertama, Maahad Tahfiz wa al-Qiraat berdiri teguh dan berkembang dengan amat baik pada tahun-tahun berikutnya. Pada masa kini, pengambilan pelajar setiap sesi pengajian ialah 250 pelajar disamping Maahad Tahfiz setiap negeri juga mengambil pelajar untuk pengajian Diploma Tahfiz Darul Quran JAKIM.¹

Guru al-Quran pertama yang dilantik di Maahad Tahfiz ini ialah Dato Syeikh Haji Mohamad Nor bin Haji Ibrahim telah menghasilkan natijah yang terbaik. Pengajaran tahfiz yang diberikan kepada pelajar amat berkesan. Tarbiahnya yang penuh hikmah telah berjaya

¹ Temubual dengan Ust Toriq bin Yaacob, Ketua Unit Penyelidikan Darul Quran pada 2 Nov 2021.

melahirkan tokoh-tokoh al-Quran yang berjaya dalam bidang Quran. Kumpulan murid pertama mendapat didikan di Maahad Tahfiz wal Qiraat ialah Tan Sri Datuk Seri Syeikh Ismail Mohamad, al-Marhum Dato Abu Hasan Din, al-Marhum Syeikh Muhsin bin Haji Syeikh Ahmad, al-Marhum Syeikh Kamaruddin bin Haji Amri, al-Marhum Syeikh Othman Md Nor, al-Marhum Ustaz Syafei Ayob, al-Fadhil Ustaz Zainal Abidin bin Ahmad dan Dato Syeikh Sallehudin Omar.²

Legasi pengetua Darul Quran telah memain peranan penting kerana melibatkan penentuan hala tuju Darul Quran kearah yang lebih cemerlang. Salah seorang pengetuanya yang besar sumbangan kepada pengiktirafan Sijil Tahfiz kepada Diploma Tahfiz ialah Dato Sallehudin Omar. Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Maahad Tahfiz wal Qiraat bermula tahun 1980an sehingga tahun 1993. Dalam tempoh tersebut, banyak program berkaitan al-Quran telah beliau wujudkan dan melakukan penambahbaikan kepada sistem tafsir al-Quran.

2. BIOGRAFI DAN SEJARAH MENUNTUT ILMU

Dato Sallehuddin bin Haji Omar dilahirkan pada tahun 1945 di Kampung Sepat, Kuala Penor Kuantan, Pahang. Minat beliau dalam mendalami ilmu agama khususnya dalam ilmu al-Quran telah timbul dalam dirinya sajak dari awal lagi. Kesungguhan mendapatkan ilmu dan mencari guru yang berwibawa dalam bidang al-Quran bersemai dalam dirinya. Ini selaras dengan nasihat Imam al-Syafei yang menyatakan dua rangkap syair kepada pelajar demi mendapatkan ilmu. Beliau menyatakan:

أَخِي لَنْ تَنَالُ الْعِلْمَ إِلَّا بِسِتَّةٍ
سَأْتَبِيكَ عَنْ تَفْصِيلِهَا بِبَيَانٍ
دَكَاءٌ وَحْرَصٌ وَاجْتِهَادٌ وَبُلْغَةٌ
وَصُحْبَةٌ أَسْتَأْذِنُ رَمَانٍ³

“Saudaraku, kamu tidak akan dapat ilmu kecuali dengan enam sifat dimana aku akan huraikan dengan jelas. Cerdik, loba, bersungguh, bekalan, bersahabat dengan ustaz dan tempoh yang panjang”.

Permulaan pengajian al-Quran, beliau telah pergi berguru dengan Tn Hj Pok Cu Mat. Seorang guru Quran yang dihormati dikampungnya yang berasal dari Kelantan. Beliau membaca al-Quran sehingga khatam. Peringkat pengajian rendah, Dato Sallehuddin telah mengikuti pengajian di Sekolah Kebangsaan Kuala Penor dan Sekolah Kebangsaan Tanjung Lumpur. Selepas itu beliau telah menyambung pengajian di peringkat menengah di Kuliah al-Lughah Waddin As-Sultan Abu Bakar, Padang Polo, Pekan, Kuantan. Di pusat pengajian tinggi Islam yang dibina di awal tahun 1941, beliau telah mendalami beberapa subjek agama seperti feqh, tafsir, hadith, tauhid di samping pengajian al-Quran.⁴

² Khairul Anuar Mohamad (2010), *Muhamad Nor Tokh Qiraat*, Bicara Qiraat, Utusan Malaysia, Malaysia.

³ Muhammad Ibrahim Salim (1988), *Diwan al-Imam al-Syafei al-Musamma al-Jawhar al-Nafis Fi Syi'ri al-Imam Muhammad Ibn Idris*, Kaherah: Maktabah Ibn Sina, 138.

⁴ Temubual dengan Dato Sallehuddin bin Omar pada 3 Mac 2017.

Pengajian di Kelas Tahfiz Masjid Negara dan Universiti al-Azhar

Pada tahun 1966, ketika berusia awal 20an minatnya terhadap pengajian al-Quran semakin kuat. Dengan takdir Allah SWT, pada tahun tersebut adalah tahun tertubuhnya Maahad Tahfiz di Masjid Negara dan pengambilan pelajar untuk generasi pertama dilakukan. Tanpa teragak, Dato Sallehudin telah memohon untuk menyambung pengajian di Maahad Tahfiz wal Qiraat. Dalam sesi temuduga, beliau telah berjaya dan merupakan satu-satunya pelajar dari negeri Pahang yang terpilih untuk mengikuti pengajianan di Maahad Tahfiz Wal Qiraat di Masjid Negara.

Menghafaz al-Quran bukanlah satu perkara yang mudah. Ia memerlukan kepada tumpuan pemikiran yang tajam dan pengajianya pula perlu kepada disiplin yang tinggi. Setiap hari, pelajar perlu menjadualkan masanya dengan memberi masa yang secukup untuk menghafaz dan sebahagian masa yang lain untuk mengulang hafazan samada hafazan baru atau hafazan yang lama. Dato Sallehudin telah menggunakan banyak masanya untuk menghafaz al-Quran. Siang dan malamnya bersama al-Quran. Pernah diceritakan kepada penulis, kesungguhan beliau menghafaz al-Quran sepanjang malam sehingga apabila lampu asrama ditutup beliau menghafaz al-Quran menggunakan lampu jalan.

Dato Sallehudin menyempurnakan pengajianannya di Maahad Tahfiz selama tiga tahun dan akhirnya berjaya memperolehi sijil tahfiz. Seterusnya beliau meneruskan pengajian di peringkat ijazah dengan menyambung pengajian di Universiti al-Azhar dalam bidang syariah iaitu pada tahun 1972. Di waktu yang sama, beliau bertalaqqi al-Quran dengan beberapa tuan guru seperti Syeikh Ibrahim Atwah dan lain-lain. Selepas mendalami ilmu syariah, Qiraat dan ilmu berkaitan al-Quran seperti rasm, dabt, fawasil pada tahun 1976 beliau telah berjaya memperolehi ijazah Ba hons dalam bidang Syariah.⁵

Melihat kepada sejarah pengajian Dato Sallehudin dari peringkat awal hingga berjaya di universiti al-Azhar dalam bidang Syariah boleh dikatakan juga beliau amat cenderung dengan ilmu Quran dan Qiraat. Banyak masa beliau dihabiskan dengan talaqqi Quran dan Qiraat dari beberapa guru yang mempunyai sanad bersambung hingga Rasulullah SAW. Sebenarnya inilah kelebihan Dato Sallehudin yang sekarang ini begitu aktif dengan penghakiman dalam program majlis tilawah atau tahfiz dan juga aktif dalam pengajaran talaqqi al-Quran.

3. GURU-GURU AL-QURAN DATO SALLEHUDIN OMAR

Guru mempunyai peranan yang besar dalam mendidik dan memberi tarbiah kepada pelajar untuk mereka menjadi insan yang berakhhlak dan berilmu. Itulah yang berlaku kepada ulamak terdahulu, semua mereka yang terkenal adalah kerana pernah menjadi murid kepada guru yang

⁵ Temubual dengan Dato Sallehuddin bin Omar di ILTIM, Besut, Terengganu pada 11 Januari 2018.

terkenal dengan ilmunya. Seumpama ketokohan Imam Syafei dalam ilmu adalah hasil didikan beberapa gurunya yang hebat dan antara mereka ialah Imam Malik.

Tempoh pengajian Dato Sallehudin Omar semasa di Maahad Tahfiz wal Qiraat dan Universiti al-Azhar beliau telah gunakan sebaiknya iaitu menuntut ilmu Quran dengan beberapa guru yang hebat, antara mereka adalah seperti berikut:

Pertama: Dato Syeikh Mohamad Nor Ibrahim

Semasa Dato Sallehudin menghafaz al-Quran di Maahad Tahfiz antara 1966 hingga 1968 yang ketika itu beroperasi di Masjid Negara. Guru yang terpilih untuk mengajar subjek hafazan al-Quran ialah Dato Syeikh Mohamad Nor Ibrahim⁶. Beliau dilahirkan pada tahun 1905 dan meninggal pada tahun 1987. Pernah menjawat jawatan mufti negeri Kelantan antara tahun 1968 hingga 1987. Syeikh Muhammad Nor menghafaz al-Quran di Mekah. Menurut Tan Sri Syaikh Ismail Mohamad, antara guru Dato Muhammad Nor Ibrahim di Mekah ialah Tok Senggora yang terkenal dengan karangannya dalam ilmu tajwid yang bertajuk *Mawrid al-Zam'an*.

Sementara itu, Prof. Dr Abdullah Alwi Hasan dalam artikelnya 'Datuk Hj Mohamad Nor bin Hj Che Ibrahim', menyatakan bahawa Mohamad Nor mendapat ijazah al-Quran dan juga Tujuh Qiraat daripada 20 qari tersohor di Mekah⁷. Antara mereka ialah Sheikh Tiji. Nama penuh Sheikh Tiji ialah Sayyid Ahmad Ibn Hamid Ibn Abdul Razzaq al-Husaini al-Tiji al-Ridi⁸. Beliau lahir pada tahun 1285 hijrah di kampung Ridah, Mesir dan meninggal dunia di Mekah pada tahun 1368 hijrah. Beliau menghafaz al-Quran dan menerima ilmu qiraat dari beberapa guru antaranya Sheikh Ali Dabba⁹ iaitu Sheikh Qurra di Mesir.

⁶ Menurut mantan Imam Besar Masjid Negara (2007-2019), Tan Sri Syaikh Ismail Mohamad al-hafiz apabila menceritakan perihal gurunya Dato Syeikh Mohamad Nor Ibrahim, beliau menyatakan: "Allahyarham seorang guru yang tegas, keras tetapi baik. Alhamdulillah, kami dapat belajar dengan beliau selama dua setengah tahun dan menghabiskan al-Quran 30 juzuk. Seperkara mengenai Allahyarham ialah sungguhpun bertubuh kecil tetapi gerun melihatnya. Memang saya akui sukar untuk dicari ganti orang seperti beliau ditambah pula, beliau fasih berbahasa Arab, Inggeris, apa lagi bahasa Melayu. Beliau juga seorang yang alim, warak, Kalau nak cari seperti ini memang sukarlah sekarang ini," kata Syaikh Ismail yang menganggap Allahyarham seperti bapanya sendiri. Utusan Malaysia, Bicara Agama, Muhamad Nor Tokoh Qiraat, Oleh Khairul Anuar Mohamad, 28/10/2010

⁷ Abdullah Alwi Hasan, (2003) Dato Haji Mohamad Nor bin Haji Ibrahim (1905-1987), Pengasuh bil. 581. Julai-Ogos, 16.

⁸ Sheikh Tiji amat dikenali di kalangan ulama Mekah dan Madinah. Ramai di kalangan mereka yang menjadi muridnya antaranya ialah Sheikh Muhamad Amin al-Kutbi, Sheikh Ahmad Abdullah al-Hijazi. Sheikh Tiji menjadi rujukan dalam ilmu qiraat sehingga digelar Sheikh Qurra Mekah atau Sheikh Qurra Hijaz (Ilyas al-Barmawi: 2000). Sumbangan besar beliau kepada al-Quran selain pengajaran ialah menjadi pentashih al-Quran bersama-sama Sheikh Abdul Zahir Abu al-Samh imam dan Khatib Masjid al-Haram Mekah dan Sayyid Muhammad Ahmad Syata. Al-Quran yang ditulis oleh Sheikh Muhamad Tahir al-Kurdi itu ditulis mengikut kaedah Rasm Uthmani. Hasil semakan lujnah pentashih tersebut menjadi kenyataan apabila mushaf berkenaan dicetak buat pertama kalinya di Arab Saudi pada tahun 1369 hijrah. Nama Sheikh Tiji bersama pentashih lain terdapat di akhir helaian mushaf yang dipanggil Mushaf Makkah al-Mukarramah.

⁹ Syeikh Ali Dabba' lahir pada tahun 1887 dan meninggal pada tahun 1960, seorang yang amat alim dalam ilmu Qiraat sehingga dilantik menjadi Syeikh al-Qurra di Mesir. Ramai gurunya dalam ilmu Qiraat antaranya ialah Syeikh Hasan ibn Yahya al-Kutbi yang terkenal dengan panggilan "menantu al-Mutawali" dan berguru juga dengan Syeikh Abdul Rahman ibn Husein al-Khatib al-Syiár (meninggal 1338 hijrah). Kedua-dua ulamak ini talaqqi dengan Syeikh Muhammad ibn Ahmad Ibn al-Hasan Ibn Sulaiman yang terkenal dengan panggilan al-

Jika dilakukan penelitian sanad al-Quran milik Dato Muhammad Nor ia merupakan sanad yang tinggi. Salasilah hubungan gurunya iaitu Sheikh Tiji hingga kepada Rasulullah SAW adalah sanad yang masyhur di tanah arab sama ada di Mesir, Syria atau Arab Saudi.

Dato Muhammad Nor Ibrahim telah memberi tumpuan sepenuhnya kepada kumpulan pelajar pertama tahfiz al-Quran ini. Sebelum sesi hafazan bermula, pelajar diwajibkan membaca tafsir dan terjemahan kepada ayat yang hendak dihafaz. Sesi talaqqi menyusul selepasnya dengan beliau membaca ayat demi ayat sehingga sempurna satu maqra diikuti dengan bacaan beramai-ramai dari pihak pelajar. Metode yang diguna pakai dalam tasmik al-Quran ini amat berjaya di mana semua kumpulan pertama ini telah menghafaz maqra demi maqra, juzuk demi juzuk al-Quran sehingga khatam secara serentak. Dengan kata lain tidak ada yang menghafaz lebih banyak dari sahabatnya tetapi semuanya menghafaz pada maqra yang sama sehingga khatam.

Berkat kesungguhan dan kesabarannya mendidik generasi pertama di Malaysia menghafaz al-Quran maka lahirlah tokoh-tokoh al-Quran seperti Datuk Abu Hasan Din al-hafiz, Imam Besar Masjid Negara Tan Sri Syaikh Ismail Mohamad al-hafiz, Datuk Salahuddin Omar al-hafiz, al-Fadhi Ustaz Muhsin Mohd. Said al-hafiz, al-Fadhil Ustaz Zainal Abidin Ahmad al-hafiz dan lain-lain. Mereka inilah yang memberi sumbangan besar kepada perkembangan tahfiz al-Quran dan Ilmu Qiraat di Malaysia.

Setelah Dato Muhammad Nor menabur jasa kepada generasi pertama penghafal al-Quran di Masjid Negara, beliau balik ke negerinya Kelantan dan memberi sumbangan dalam pengajaran al-Quran. Beliau diamanahkan mengasas kelas tahfiz al-Quran dan *Tafaqquh fi al-Din* di Masjid Muhamadi iaitu di antara tahun 1970 hingga 1974.

Menurut Dato Sallehudin Omar “Dato Hj Muhammad Nor Ibrahim dianugerahkan pemikiran yang tinggi, tajam dan mudah untuk memahami semua ilmu yang dipelajari”. Beliau menyambung “Tok guru Hj Nor mempunyai ilmu yang luas dalam bidang feqh sehingga dilantik menjadi mufti Kelantan, alim dalam bidang tafsir sehingga dapat menghasilkan tafsir pimpinan Rahman yang masih diulang cetak hingga sekarang, alim dalam bidang hadith sehingga boleh menghasilkan 3 jilid mustika hadith keluaran JAKIM dan dalam bidang hafazan al-Quran beliau adalah di kalangan hamatul Quran dengan maksud menjaga hafazan”.¹⁰

Mutawalie (meninggal 1313hijrah) iaitu Syeikh Qurra pada zamanya. Waktu harian Syeikh Ali Dabba' banyak dimanfaatkan dengan mengajar al-Quran dan Qiraat kepada para muridnya yang datang dari Mesir seperti Syeikh Ibrahim Atwah, Syeikh Abdul Aziz Zayyat, Syeikh Abdul Halim Badar Ahmad Attallah al-Saifi al-Manufi al-Mesri, Syeikh Ibrahim al-Samnandudi dan lain-lain. Selain itu Syeikh Ali Dabba' juga menerima pelajar yang datang dari luar negara Mesir seperti Syeikh Abdul Aziz ibn Muhammad Ali 'Uyun al-Sud yang merupakan Syeikh Qurra dan setiausaha Ifta di Himsi, Syria, Syeikh Ahmad Malik Hammad al-Futi al-Singhali datang dari Sinegal, Sayyid Ahmad ibn Hamid ibn Abdul Razzaq al-Husaini al-Tiji al-Ridi yang datang dari Makkah Mukaramah. (Rim Ibrahim: 2018)

¹⁰ Temubual dengan Dato Sallehudin bin Omar di ILTIM, Besut, Terengganu pada 11 Januari 2018.

Selain meninggalkan murid yang berkaliber dalam ilmu al-Quran dan syariah, beliau juga meninggalkan penulisan yang terus menjadi rujukan umat Islam di negara kita pada hari ini seperti *Tafsir Pimpinan Rahman* dan *Mastika Hadith*. Kedua-duanya terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Dalam bidang qiraat, karangannya ialah berkaitan kaedah bacaan riwayat Warsy dari Qiraat Nafei Ibn Abi Nuaim.¹¹

Kedua: Syeikh Ibrahim Atwah Íwadh.

Ketika Dato Sallehudin Omar menyambung pelajarannya di Universiti al-Azhar Mesir, beliau telah mengambil peluang untuk mendalami ilmu Qiraat dengan beberapa guru yang masyhur di sana antaranya ialah Syeikh Ibrahim Atwah ra. Beliau lahir pada tahun 1917 di Mesir dan meninggal dunia pada tahun 1996. Semasa kecilnya beliau telah menghafaz al-Quran dalam tempoh kurang tiga tahun meskipun beliau cacat penglihatan tetapi hatinya amat bersih. Dalam ilmu Qiraat, Syeikh Ibrahim Atwah telah mendalami dan talaqqi dari beberapa guru yang masyhur ketika itu antaranya ialah Syeikh Abdul Fattah Hunaidi (meninggal dunia 1959), Syeikh Amir al-Sayyid Uthman (meninggal dunia 1988) dan juga Syeikh Ali al-Dabba' (meninggal dunia 1960).

Dalam jawatan perkhidmatan, Syeikh Ibrahim Atwah diamanahkan memegang beberapa jawatan penting sesuai dengan kealimanya, antara jawatanya ialah pensyarah di Universiti al-Azhar, tenaga pengajar untuk peringkat master dan PhD, ahli majlis tertinggi hal ehwal Islam Mesir, timbalan di masyikhah al-Qurra, tenaga pengajar Quran di Masjid Sayyidah Zainab di Qaherah dan juga ahli lajnah tashih al-Quran di al-Azhar al-Syarif.

Sebahagian hasil karya Syeikh Ibrahim Atwah dalam bidang ilmu Qiraat masih lagi berada dalam pasaran. Dalam catatan biografinya antara karya beliau ialah: *al-Raudatan Fi Ahkam al-Quran*, *Syarah Aqilah Atrab al-Qasa'id Fi al-Rasm*, *Syarah Nazimat al-Zuhri Fi Ilmi al-Adad wa al-Fawasil*, *Syarah Nuniyyah al-Sakhawi*, *Tahqiq Ibraqi al-Ma'ani Li Abi Syamah*, *Tahqiq al-Ijza Fi Ma'rifati al-Ajza lil-Ja'bari*, *Tahqiq al-Madad Fi Ma'rifati Fan al-Adad lil-Ja'bari*, *Tahqiq Irsyad al-Murid Illa Maqsud al-Qasid Li Dabba'*, *Tahqiq al-Bahjah al-Mardiyyah Syarah al-Durrah al-Mudiyyah liDabba'* dan lain-lain.¹²

Setiap hari ramai yang datang bertalaqqi al-Quran dan Qiraat dengan Syeikh Ibrahim Atwah dan salah seorang daripada pelajar Malaysia ketika itu yang datang bertalaqqi ialah Dato Sallehudin Omar. Beliau dengan beberapa sahabat yang lain berulang alik mengadap Syeikh Ibrahim Atwah untuk talaqqi Quran. Pada akhirnya, Dato Sallehudin berjaya khatam al-Quran dan Syeikh Ibrahim Atwah menganugerahkan sanad al-Quran kepada beliau.¹³ Secara umumnya Dato Sallehudin amat mengagumi kealiman Syeikh Ibrahim Atwah meskipun

¹¹ Khairul Anuar Mohamad (2005), *Tokoh Pendidik al-Quran di Malaysia: Dato Haji Muhammad Nur bin Haji Ibrahim*, *Jurnal Ma'alim Quran dan Sunnah*, bil 1, Retrieved from: https://jmqs.usim.edu.my/index.php/jmqs/article/view/10/9_271. 261-173

¹² Maktabah syamilah al-Hadith (n.d). *Arkit Forum Ahl Al-Hadith – 3*. Retrieved from: <https://almaktaba.org/book/31616/5590#p1>

¹³ Sanad Qiraat Tujuh ini bertarikh 1976.

beliau cacat penglihatan namun segala matan berkaitan Qiraat dan ulum al-Quran cair dalam ingatanya.

Ketiga: Syeikh Sulaiman Imam Soghir.

Beliau adalah salah seorang ulamak di university al-Azhar. Talaqqi al-Quran dari beberapa guru yang terkenal. Selepas beberapa lama berkhidmat di Universiti al-Azhar, Syeikh Sulaiman Soghir mendapat tawaran sebagai pensyarah al-Quran di Universiti Ummu al-Quran, Makkah, Arab Saudi. Semasa beliau berada di Mesir, beliau telah membuka halaqah al-Quran dan ramai yang datang kepadanya untuk talaqqi Qiraat. Salah seorang dari mereka ialah Dato Sallehudin Omar. Beliau membaca al-Quran dihadapannya sehingga khatam 30 juzuk al-Quran¹⁴.

4. JAWATAN DATO' SALLEHUDDIN DALAM PERKHIDMATAN

Dalam kerjaya sebagai guru al-Quran dan pegawai agama, Dato Sallehudin Omar telah diberi kepercayaan untuk memegang beberapa jawatan utama, antaranya ialah:

- 1- Qadhi daerah Maran, Pahang pada tahun 1977 hingga 1980.
- 2- Pengetua Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bermula dari tahun 1980 hingga tahun 1993.
- 3- Pengetua Institut Tahfiz al-Quran Sultan Haji Hasanul Bolkiah, Brunei bermula dari tahun 1993 hingga tahun 1999.
- 4- Pensyarah dan guru talaqqi al-Quran di Darul Quran Singapura bertempat di Masjid Kg Siglap. Pengajaran dua kali setiap bulan dan kelas ini bermula dari tahun 2000 hingga sekarang ini.
- 5- Pengurus Lajnah Tashih Quran Kementerian Dalam Negeri KDN. Bermula tahun 2018 hingga sekarang.

Pengetua Darul Quran

Penubuhan Darul Quran bermula pada tahun 1966 apabila Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tuanku Abdul Rahman Putera Al-Haj melahirkan hasrat untuk mewujudkan sebuah Institut Pengajian al-Quran di Malaysia. Hasrat ini telah dinyatakan sewaktu perasmian Masjid Negara di mana idea ini timbul ekoran daripada Musabaqah Al-Quran yang diadakan semenjak tahun 1960 serta lawatan Rektor Universiti Al-Azhar Sheikh Mahmud Syaltut di perasmian Masjid Negara tersebut.

Sebagai permulaan, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat ditubuhkan sebagai salah satu unit di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur. Dengan penubuhan tersebut maka bermulalah pengajian dalam bidang Tahfiz al-Quran di Dewan

¹⁴ Temubual dengan Dato Sallehuddin bin Omar di ILTIM, Besut, Terengganu pada 11 Januari 2018.

Syarahan Masjid Negara pada 1 Mac, 1966 dengan bilangan pelajar pada masa itu seramai 8 orang sebagai perintis yang dipilih dan dihantar oleh negeri-negeri di Malaysia.

Dari tahun 1966 hingga tahun 1978 pengajian ini diletakkan di bawah kelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, pada tahun 1972 dan ianya diberi nama “Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat”.

Awal tahun 1979 Maahad Tahfiz diletakkan pula di bawah kelolaan Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1980. Selepas itu Maahad Tahfiz dipindahkan ke Bangunan JKR 588/33, Jalan Chenderasari, Kuala Lumpur dan kemudiannya diletakkan di bawah kelolaan Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1983. Sehinggalah pada tahun 1984 Maahad Tahfiz telah lahir sebagai sebuah Cawangan di Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri dengan organisasinya yang tersendiri.

Pada Tahun 1992 Maahad Tahfiz kemudiannya dipindahkan ke Taman Tun Dr. Ismail bagi penempatan pelajar lelaki dan pelajar perempuan pula ditempatkan di Jalan Ledang. Pada Tahun 1994 pelajar perempuan kemudiannya dipindahkan ke Taman Tun Dr. Ismail, manakala pelajar lelaki dipindahkan ke Batu 14 Sg. Semungkus Hulu Langat Selangor.¹⁵

Pada tahun 1997 Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat telah dinaikkan taraf sebagai salah satu bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan diberi nama Darul Quran Akhirnya pada 1 November 1998, Darul Quran ditempatkan ke kampus tetap di Kompleks Darul Quran di Ampang Pecah Kuala Kubu Bharu, Selangor.¹⁶

Pada tahun 1983, Dato Sallehuddin telah diamanahkan dengan jawatan pengetua Maahad Tahfiz Darul Quran. Semasa beliau menjawat jawatan tersebut banyak program akademik yang beliau lakukan. Beliau juga amat memberi tumpuan kepada hal ehwal pelajar dan mengambil berat terhadap disiplin pelajar. Hasil didikannya maka ramai tokoh al-Quran berjaya dapat dilahirkan. Antara mereka ialah Dato Dr Zulkifli Ali,¹⁷ Dato Firdaus Ismail,¹⁸ Prof Madya Dr Abdul Rahman Abdul Ghani,¹⁹ Dr Asyraf Ismail,²⁰ Ust Syeikh Kadri Abdul

¹⁵ Darul Quran (n.d). *Sejarah Darul Quran*. Retrieved from: <http://www.darulquran.gov.my>

¹⁶ Darul Quran (n.d). *op.cit*, Retrieved from: <http://www.darulquran.gov.my>

¹⁷ Mengikuti pengajian di DQ pada tahun 1984 sehingga 1986. Sekarang ini bertugas sebagai pengarah Jabatan Agama Islam Pahang. Sebelum itu beliau menjawat jawatan sebagai pengarah Maahad Tahfiz Quran Negeri Pahang.

¹⁸ Mantan Imam Masjid Negara.

¹⁹ Pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

²⁰ Pensyarah di Jabatan al-Quran dan Sunnah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Hamid,²¹ al-Fadhil Ust Uthman Hamzah,²² al-Fadhil Ustaz Osman Muda,²³ Dato Syeikh Roslan Abdul Halim²⁴ dan lain-lain.

Pandangan Murid Terhadap Dato Sallehuddin Omar

Menurut Dato Dr Zulkifli Ali, Dato Sallehuddin adalah seorang pengetua yang suka mengambil berat terhadap pelajarnya. Beliau amat mementingkakan pelajarnya berjaya dalam pelajaran dan sentiasa memberi nasihat untuk menjaga al-Quran, mengulang dan murajaah. Beliau juga banyak berkhidmat dan berbakti kepada Quran. Dato Zulkifli Ali juga menyatakan, selepas berkhidmat sebagai pengetua di DQ, beliau dilantik menjadi pengetua Maahad Tahfiz al-Quran Sultan Haji Hasanal Bolkiah di Brunei. Dato Sallehuddin banyak menyumbang dalam pembangunan Quran sama ada sebagai guru Quran sehingga kini, jurulatih kepada peserta qari dan qariah di peringkat negeri dan juga kebangsaan. Beliau juga sentiasa mendapat jemputan untuk menyampaikan kuliah berkenaan al-Quran. Khidmat beliau terhadap al-Quran amat besar di Malaysia ini.²⁵

Golongan huffaz di Malaysia ini mesti memperakui perkembangan bidang tahliz pada hari ini sehingga ke peringkat universiti ianya berasal dari hasil usaha daripada generasi pertama al-Quran. Mereka ialah Dato Sallehudin bin Umar di Darul Quran, Tan Sri Syeikh Ismail Mohamad di Terengganu, Syeikh Uthman di Kedah di mana mereka ini diberi amanah oleh kerajaan negeri untuk membina dan menubuhkan Maahad Tahfiz Negeri.

Pada tahun 1983, Dato Sallehuddin mula berkhidmat sebagai Pengetua DQ. Beliau telah melakukan perubahan dalam pengambilan pelajar dengan menjelajah ke seluruh Malaysia mencari calon-calon yang sesuai untuk menghafaz al-Quran. Sebagai contoh di Kedah mereka pergi ke Maktab Mahmud dan berjumpa dengan calon sesuai iaitu Dato Syeikh Roslan. Di NAHDAH pula berjumpa dengan Syeikh Kadri Abdul Hamid dan memilih mereka berdua sebagai pelajar di DQ. Sebelum tahun 1983 pengambilan pelajar ke DQ hanya berlaku setiap tiga tahun sekali dengan bilangan pengambilan pelajar hanya sedikit sahaja.

Hasil usahanya yang kuat, pada tahun 1983 Dato Sallehuddin berjaya mendapat calon yang berbakat seramai 10 orang. Pada tahun berikutnya, pengambilan pelajar berlaku setiap tahun dengan jumlah yang semakin ramai. Hingga sekarang ini pengambilan pelajar ke DQ setiap tahun berjumlah 250 orang.

²¹ Mengikuti pengajian di DQ pada tahun 1984 sehingga 1987. Sekarang bertugas sebagai Pengarah Institut Quran Darul Aman (IQDAR) di Kedah Darul Aman. Beliau juga adalah hakim Majlis Tilawah dan Menghafaz di peringkat Negeri Kedah dan di peringkat Kebangsaan.

²² Mengikuti pengajian di DQ pada tahun 1984 sehingga 1987. Mantan Imam Besar Negeri Selangor dan mantan ahli Jawatankuasa Lajnah Tashih Quran KDN.

²³ Mengikuti pengajian di DQ pada tahun 1983 sehingga 1985. Sekarang ini berkhidmat sebagai pensyarah al-Quran di DQ, ahli Lajnah Tashih Quran KDN dan juga Hakim Majlis Hafaz al-Quran peringkat Kebangsaan.

²⁴ Mengikuti pengajian di DQ pada tahun 1984 sehingga 1987. Sekarang berkhidmat sebagai Imam Besar di Masjid Zahir, Kedah Darul Aman.

²⁵ Temubual dengan Dato Dr Zulkifli Ali pada 8 September 2021.

Kesungguhna Dato Sallehudin juga boleh dilihat dengan usahanya mengangkat taraf sijil tahfiz ke peringkat diploma yang sama taraf dengan diploma Institut Teknologi Mara. Diploma tersebut kekal diiktiraf sehingga ke hari ini di mana ia membolehkan pelajar lepasan DQ menyambung pengajian ke IPTA seperti Univeristi Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia dan juga diiktiraf di luar negara seperti di Syubra, Mesir.

Dari sudut keperibadian, Dato Sallehudin adalah seorang yang simple, mudah berbincang dan tidak lekas marah. Sepanjang belajar dengan Dato Sallehudin, Syeikh Kadri pernah tasmik satu penggal dengan beliau. Dalam tempoh tersebut beliau tidak pernah marah bahkan amat mudah berbincang dan mudah bergurau dengan pelajar sehingga ke peringkat boleh diajak bermain badminton atau bermain pingpong. Dia adalah seorang guru yang amat dihormati, seorang yang sangat disayangi, bersahabat sebagai kawan sehinggalah ke hari ini dan tidak ada perkara yang hendak diperkatakan kecuali kebaikan.²⁶

Program dan aktiviti harian Dato Sallehudin Omar selepas bersara dari jawatan kerajaan adalah bersama al-Quran. Setiap hari beliau akan bersama dengan halaqah al-Quran di beberapa tempat sekitar Kuala Lumpur. Kepakaranya dalam bidang al-Quran ini beliau gunakan untuk memberi khidmat kepada masyarakat yang ingin bertalaqqi al-Quran. Aktiviti talaqqi al-Quran ini berlaku sejak dulu lagi namun tumpuan beliau kepada talaqqi ini lebih aktif sejak beliau pulang dari Brunei Darul Salam iaitu pada tahun 1999.

Menariknya dalam program talaqqi al-Quran bersama Dato Sallehudin Omar ini ialah setiap orang yang membaca al-Quran di hadapannya akan dicatat dalam sebuah buku. Bacaan peserta tersebut akan diberi teguran dan pembetulan jika berlaku kesalahan samada dari sudut tajwid atau waqaf ibtida. Pembacaan ini akan bersambung dengan ayat yang berikutnya pada pertemuan berikutnya sehinggalah khatam al-Quran.

Perkara yang penting juga ialah setiap yang khatam al-Quran di hadapan Dato Sallehudin akan dianugerahkan sanad al-Quran. Anugerah sanad ini adalah satu penandaan bahawa pelajar tersebut telah khatam bacaan al-Quran dan bacaanya adalah tepat dan sahih mengikut hukum tajwid yang telah digariskan oleh ulamak. Sanad al-Quran yang dianugerahkan Dato Sallehudin kepada pelajarnya adalah mengikut jalur beberapa gurunya seperti Syeikh Ibrahim Atwah, Syeikh Sulaiman Imam Soghir dan disebut juga gurunya Dato Ibrahim Muhammad Nor.

5. SUMBANGAN PEMBANGUNAN PENGAJIAN AL-QURAN

Pemikiran dan idea Dato Sallehudin Omar dalam membangunkan pengajian al-Quran dan program berkaitan telah mendapat perhatian pihak yang berkenaan. Perkara tersebut dilakukan adalah untuk melihat pembangunan bidang al-Quran dan mereka yang terlibat dengannya berada

²⁶ Temubual dengan Ust Syeikh Kadri Abdul Hamid pada 7 Oktober 2021.

sama taraf dengan takhasus bidang lain. Perkara yang telah beliau beri pengesyonan atau cadangan dan mendapat perhatian pihak berkaitan adalah seperti berikut:

Pertama: Pengiktirafan Diploma Darul Quran

Semasa Dato Sallehudin menjadi pengetua Maahad Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat, beliau telah membuat satu cadangan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menaikkan taraf sijil tahfiz al-Quran yang dikeluarkan oleh pihak Maahad Tahfiz kepada pelajarnya yang berjaya menamatkan pengajian selama 3 tahun. Permohonan tersebut ditujukan kepada Ybhg Dato Elyas Omar²⁷ yang ketika itu sebagai Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam. Justifikasi permohonan adalah pelajar maahad tahfiz menghabiskan masa selama tiga tahun pengajian.

Syarat mereka menyambung pengajian di Maahad Tahfiz adalah berjaya cemerlang dalam SPM dan berjaya dalam temuduga. Dan yang lebih penting ialah dalam tempoh tersebut pelajar telah menghafaz 30 juzuk al-Quran. Kertas cadangan tersebut telah diterima di pihak JPA tanpa banyak pindaan. Justeru, JPA telah bersetuju menganugerahkan sijil Diploma kepada pelajar Maahad Tahfiz Wal Qiraat yang berjaya dalam peperiksaan akhir. Maka bermulalah semangat baru para pelajar untuk memasuki pengajian diploma di Maahad Tahfiz kerana selepas tamat pengajian, para pelajar dapat menyambung pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam.

Kedua: Percetakan dan Penyemakan al-Quran

Pada mulanya percetakan al-Quran di Malaysia berlaku tanpa kawalan dan setiap syarikat percetakan boleh mengeluarkan mushaf tanpa ada kelulusan dari mana-mana pihak. Selain itu, mushaf juga boleh diimport dari luar Malaysia sama ada dari Indonesia, India, Mesir dan negara-negara lain. Percetakan al-Quran dan import al-Quran tanpa kawalan ini menyebabkan banyak berlaku kesalahan. Perkara ini kerap berlaku di kalangan masyarakat dan mereka membuat aduan kepada pihak Maahad Tahfiz. Penetuanya ketika itu adalah Dato Sallehudin Omar.

Justeru beliau telah mengambil dua tindakan yang penting iaitu pertama, mewujudkan satu lajnah tashih al-Quran yang dianggotai oleh pakar bidang Quran ketika itu seperti Tan Sri Hasan Azhar, Tan Sri Syeikh Ismail, Ust Kamaruddin Amri, Dato Sallehudin dan lain-lain. Kedua, membuat cetakan al-Quran yang dikeluarkan oleh percetakan Mubaligh Nur Islam Negeri Johor²⁸. Al-Quran yang dihasilkan ini telah menggunakan tanda alamat waqafnya dari kitab manar al-Huda Fi Bayan al-Waq wa al-Ibtida karangan Ahmad Ibn Muhammad Abdul

²⁷ Tan Sri Dato Elyas Omar dilantik menjadi Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dari tahun 1973-1978. Beliau kemudian menjadi Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam dari tahun 1978 hingga 1981 dan sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Wilayah Persekutuan 1981 hingga 1987. Jawatan paling akhir dalam perkhidmatan awam yang disandangnya adalah sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur pada tahun 1981 hingga 1992. Arkib Negara Malaysia (n.d). *Tan Sri Dato' Elyas Omar*. Retrieved from: <http://www.arkib.gov.my/web/guest/tan-sri-dato-elyas-omar>

²⁸ Al-Quran al-Karim (1983), Johor Bahru: Percetakan Mubaligh Nur Islam Negeri Johor.

Karim al-Asymuni. Di akhir mushaf ini terdapat kenyataan dan tandatangan dari pentashih iaitu Ust Kamaruddin Amri dan juga tandatangan dari pentashih terakhir iaitu Tuan Syeikh Zahiruddin bin Haji Ahmad dan Dato Haji Sallehudin Omar.

Ketiga: Majlis Menghafaz al-Quran

Majlis menghafaz al-Quran telah mendapat sambutan yang amat baik dari semua negeri. Pada masa kini, boleh dikatakan hampir semua negeri menghantar semua penyertaan bahagian lelaki dan perempuan dalam tiga kategori 10 juzuk, 20 juzuk dan 30 juzuk. Majlis menghafaz ini sebenarnya memberi kesan yang besar kepada perkembangan pendidikan hafazan al-Quran di Malaysia. Setiap mahad tahniz berlumba dalam mendidik pelajar mereka untuk menghafaz al-Quran. Kejayaan yang sebenar dalam majlis hafazan al-Quran bukanlah untuk mendapat tempat tiga terbaik tetapi kejayaan adalah apabila peserta dapat membaca dan menjawab semua soalan yang ditanya dengan fasih dan lancar.

Majlis menghafaz al-Quran peringkat kebangsaan bermula pada tahun 1979. Dan pada tahun 1984, Dato Sallehudin Omar telah dilantik menjadi hakim dalam majlis tersebut sehingga sekarang kecuali beberapa tahun iaitu antara 1993 hingga 1999 kerana beliau bertugas di Brunei Darul Salam.²⁹ Beliau dianggap orang lama dalam penghakiman majlis tilawah dan hafazan. Sekaligus membuktikan khidmat kepakaran beliau masih diperlukan untuk membimbing hakim baru melalui pengalamannya yang luas.

Keempat: Kelas Talaqqi al-Quran di Masjid Siglap, Singapura

Pada tahun 1999, Dato Sallehudin Omar kembali ke Malaysia selepas berkhidmat beberapa tahun di Brunei Darul Salam. Orang Quran tidak ada istilah pencer. Itulah sebaris kalimah hikmat yang membuat Dato Sallehudin terus berkhidmat untuk al-Quran. Beliau telah menerangkan ilmu, idea dan usaha untuk mempertabatkan al-Quran di Malaysia dan begitu juga di Brunei. Pada tahun 2000 beliau bersama beberapa sahabat baiknya seperti Tan Sri Hasan

²⁹ Temubual dengan Dato Sallehuddin bin Omar di ILTIM, Besut, Terengganu pada 11 Januari 2018.

Azhari³⁰, Dato Mohammad Hasri³¹ dan Ust Abdul Malik telah diundang sebagai tenaga pengajar al-Quran di Masjid Siglap Singapura.

Setiap hujung minggu dua kali setiap bulan, Dato Sallehudin bersama sahabat-sahabatnya akan pergi ke singapura sebagai guru al-Quran. Ramai yang mendaftar sebagai pelajar dan method yang digunakan ialah talaqqi al-Quran dari mula al-Quran iaitu surah al-Fatiha hingga surah al-Nas. Dalam musim pandemik covid 19, kelas al-Quran di Masjid Siglap masih diteruskan. Semua aktiviti talaqi dijalankan dalam bentuk atas talian.

Kelima: Kata Aluan dan semakan Kitab

Kitab Tajwid al-Quran hasil tulisan Abu Mardhiyyah mendapat sambutan yang amat baik dalam masyarakat. Perbahasan hukum hakam tajwid yang dipaparkan adalah bersumber dari kitab-kitab yang menjadi rujukan dalam disiplin ilmu tajwid seperti matan Muqadimmah al-Jazariyyah, Tuhfatul Ghilman, Matn al-Mufid dan lain-lain. Jika dilihat permulaan buku tajwid al-Quran ini terdapat beberapa kata-kata aluan dan antaranya ialah kata aluan dari Dato Sallehudin Omar yang ketika itu berkhidmat sebagai Pangarah Ulung Gemilang Sdn Bhd.

Dalam kata aluannya beliau menyatakan “Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Ta’ala kerana pengajian ilmu al-Quran terus berkembang di negara kita. Semoga keadaan sebegini berkekalan hendaknya insyallah. Saya berasa amat bangga kerana diberi penghormatan untuk menyemak serta mentashih buku bertajuk “Tajwid al-Quran Qiraat Áshim riwayat Hafsh Toriq Syatibiy 1&2”. Setelah saya menyemak kandungan serta susunan aturnya maka saya dapat buku ini merangkumi hukum hakam tajwid dan perkara yang berkaitan denganya secara menyeluruh serta penggunaan bahasanya yang mudah difahami. Tambahan pula buku ini disertakan dalil bagi setiap hukum yang dibincangkan. Inilah antara keistimewaan buku ini berbanding dengan buku-buku yang lain. Saya merasakan bahawa buku ini sangat sesuai untuk dijadikan sebagai panduan serta rujukan di pusat-pusat pengajian, sekolah, masjid

³⁰ Tan Sri Hasan Azhari lahir pada 18 Ogos 1928 di Shuib Amir, Makkah al-Mukarramah. Beliau menerima pendidikan awal di Makkah bermula dengan mempelajari al-Quran dan pelajaran agama seperti Feqh, Aqidah dan Bahasa arab. Di peringkah rendah, beliau belajar di Madrasah Dar al-Ulum di Makkah dan gurunya yang utama ialah Syeikh Yasin Padang. Semasa usianya 10 tahun beliau telah menghafaz al-Quran di Masjid al-Haram sebanyak 10 juzuk di hadapan gurunya Syeikh Ismail Tamim. Pada tahun 1939, Tan Sri Hasan Azhari kembali ke Malaysia atas sebab tertentu dan menyambung pengajianya dengan beberapa guru yang terkenal seperti Syeikh Islam Selangor Tengku Mahmud Zohdi. Beliau seterusnya menyambung pengajian di Sekolah al-Junaid Singapura selama 2 tahun. Di sana beliau berguru dengan Sayed Abu Bakar al-Saqaf, Syeikh Abdullah al-Faqeh dan lain-lain. Dalam bidang tarannum beliau telah berguru dengan Syeikh Sayyid Mahmud Lutfi dan Syeikh Mahmud Amin Tantawi di Mesir iaitu selama setahun. Beliau amat mahir dengan bacaan riwayat Hafs dari Imam Asim dan juga riwayat Warsy dari Imam Nafei. Rujukan Biografi Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1408-1426, JAKIM 2006, Y. Bhg Dato Haji Hasan bin Azhari 1423H/2002M, Prof Madya Dr Abdul Halim El-Muhammady, hlmn 432-435 dengan pindan. Dalam pertemuan penulis dengan Tan Sri Hasan Azhari, beliau menyatakan pengalamannya bersama dengan qari masyhur dalam haflah al-Quran seperti Syeikh Mahmud Khalil al-Husari, Syeikh Abdul Basit Abdul Samad, Syeikh Salehudin Kabbarah dan ramai lagi.

³¹ Dilantik menjadi hakim Majlis Tilawah peringkat negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa. Pada tahun 1978 menjadi johan Tilawah peringkat Wilayah Persekutuan. Pada tahun 1981 johan Majlis Tilawah Kebangsaan (50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia, JAKIM: 2008) dan menjadi johan di Musabaqah Tilawah di Libya pada tahun 1982.

dan sebagainya. Saya juga merasakan bahawa sewajarnya buku ini dimiliki oleh setiap individu muslim yang inginkan panduan serta pedoman dalam membaca al-Quran. Semoga usaha yang dilakukanoleh penyusun mendapat keberkatan daripada ilahi serta manfaat bagi kita semua di dunia dan di akhirat.³²

Dato Sallehuddin Omar juga membuat semakan kepada buku Panduan Lengkap Tajwid al-Quran al-Karim. Beliau menyatakan, “Mendalami Tajwid adalah perkara yang amat penting kerana objektifnya adalah untuk menjaga lidah dari tersalah Ketika membaca al-Quran al-Karim. Perkembangan teknologi semasa pada hari ini dan penggunaan Bahasa mengikut peredaran zaman telah mempengaruhi dalam penulisan buku supaya ia boleh dirujuk generasi masa kini. Kandungan buku ini ada sedikit kelainan dan kelebihan di mana penulisnya menghurai sejarah penulisan ilmu Tajwid, rujukan ilmu Tajwid, huraian sanad Imam SYatibiy dan juga semua bab utama dalam ilmu Tajwid. Penulis juga memberii huraian yang ringkas, ilustrasi makhraj yang jelas dan kebanyakannya maklumat disandarkan kepada Matn Muqadimah al-Jazariyyah, Tuhfatul Atfal, dan kitab Tajwid moden seumpama Hidayah al-Qari Ila Tajwid Kalam al-Bari. Saya amat yakin huraian yang diberikan beserta paparan ilustrasi akan dapat difahami dengan mudah oleh semua golongan. Buku ini amat baik dijadikan modul pengajaran dalam kelas-kelas pengajian al-Quran dan rujukan kepada pembimbing Ilmu Tajwid.”³³

6. MENDAPAT ANUGERAH

Diatas sumbangan beliau yang besar dalam perkembangan al-Quran, Sultan Pahang berkenan menganugerahkan beliau bintang kebesaran negeri yang membawa gelaran Dato’ pada 2006. Sementara setahun sebelum itu, kerajaan Negeri Pahang telah memilih beliau sebagai Tokoh Maal Hijrah 2005.

Tidak syak lagi, dengan kehidupan beliau yang sederhana, peramah dan mesra orangnya, beliau mempunyai karektor yang sangat disenangi oleh ramai pihak. Beliau dikenali sebagai seorang yang santai dan bersahaja termasuk para pelajarnya. Beliau juga mudah dihubungi untuk memohon khidmat dan nasihat serta menjawab kemusykilan khususnya berkaitan dengan ilmu tajwid, al-Quran dan al-Qiraat. Semoga Allah SWT menaungi kehidupan beliau dengan rahmat, taufiq dan hidayahNya, mengurniakan umur yang panjang, rezeki yang murah dan barakah. Amin.³⁴

Pada tahun 2016, Dato Sallehuddin telah diberi satu lagi penganugerahan sebagai tokoh Maulidur Rasul peringkat kebangsaan. Pada majlis itu, Anugerah Maulidur Rasul 1438H

³²Abu Mardhiyah (2013). *Tajwid al-Quran Qiraat Asim Riwayat Hafsh Toriq Shatibiy*. Kuala Lumpur: Aljenderaki Enterprise, 5

³³ Khairul Anuar Mohamad (2021). *Panduan Lengkap Ilmu Tajwid*. Bangi: Abad Sinergi, 321.

³⁴ Abu Nuha (2009). *Wordpress.com*. Retrieved from: <https://abunuha.wordpress.com/2009/07/05/dato-ustaz-hj-solahuddin-omar/>

peringkat kebangsaan diberikan kepada sembilan penerima. Salah seorangnya ialah hakim majlis tilawah dan menghafaz Al-Quran peringkat antarabangsa, Datuk Salahuddin Omar.³⁵


7. KESIMPULAN

Sumbangan Dato Sallehuddin Omar kepada perkembangan al-Quran dan pembangunan pendidikan al-Quran perlu diberi penghormatan dengan pengkajian dan penganugerahan. Semasa menjawat jawatan pengetua Institut Tahfiz al-Quran yang sekarang ini diberi nama Darul Quran, beliau telah melakukan beberapa perubahan besar dalam sistem pengambilan pelajar untuk mengikuti pengajian menghafaz al-Quran. Beliau telah mengambil jumlah bilangan pelajar yang tinggi berbanding sebelumnya dan yang berbakat dengan melakukan saringan temuduga. Hasil daripada usahanya ini maka ramai tokoh-tokoh al-Quran yang menerajui maahad Tahfiz yang ada di Malaysia sekarang ini adalah kelahiran dari Institut Quran pada zamannya.

Selain itu beliau juga amat perihatin terhadap pengiktirafan sijil al-Quran untuk golongan huffaz berada ditempat yang sewajarnya dalam menyambung pengajian atau berada di tempat yang baik dalam perkhidmatan awam. Justeru beliau telah berusaha dan berjaya menaikkan taraf sijil tahfiz kepada diploma tahfiz.

Keperibadian beliau amat disenangi dengan wataknya yang amat pemurah dan mengambil berat kepada sahabat dan murid. Beliau telah dipuji oleh murid-muridnya yang sekarang ini mereka telah berjaya dalam pengajian dan kerjaya. Ada dikalangan mereka yang menjawat jawatan pengarah agama, pengetua maahad tahfiz, imam bessar, pensyarah, Profesor Madya dan sebgainya. Menurut muridnya Syeikh Kadri Abdul Hamid yang sekarang ini Ketua Pegawai Operasi IQDAR, “Dato Salehuddin layak dianugerahkan Doktor Kehormat kerana jasanya yang besar dalam perkembangan pendidikan al-Quran.”

³⁵ Carian semasa (n.d.). Anugerah Perdana Maulidur Rasul 2016. Retrieved from: <https://carianmaklumatsemasa.com/tag/anugerah-perdana-maulidur-rasul-2016/>



Berdiri dari kiri: al-Fadhil Ust Zainal Abidin Ahmad (Terengganu); Tan Sri Syaikh Hj Ismail Muhammad (Terengganu); (Allahyarham) Syaikh Mohsen Shekh Ahmad (Negeri Sembilan); (Allahyarham) Sheikh Osman Mohammad Noor (Kedah)

Duduk dari kiri: (Allahyarham) Shafie Ayub (Selangor). (Allahyarham) Sheikh Kamaruddin Hj Amri (Perak); (Allahyarham) Datuk Seri Hj Abu Hassan Lebai Din (Perlis) dan Dato Sallehuddin bin Omar.

RUJUKAN

- [1] Al-Quran al-Karim (1983). Johor Bahru: Percetakan Mubaligh Nur Islam Negeri Johor.

- [2] Abdullah Alwi Hasan (2002). *Dato Haji Mohamad Nor bin Haji Ibrahim (1905-1987)*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- [3] Abu Mardhiyah (2013). *Tajwid al-Quran Qiraat Asim Riwayat Hafsh Toriq Shatibiy*, Kuala Lumpur: Aljenderaki Enterprise.
- [4] Abu Nuha (2009). *Wordpress.com*. Retrieved from: <https://abunuha.wordpress.com/2009/07/05/dato-ustaz-hj-solahuddin-omar/>
- [5] Ahmad Husien Ibn Sulaiman al-Barmawi (2002). *Imta' al-Fudhala Bi Tarajim al-Qurra*. Cetakan Pertama, Madinah al-Munawwarah: Arab Saudi : Dar al-Nadwah al-'Alamiyyah.
- [6] Arkib Negara Malaysia (n.d). *Tan Sri Dato' Elyas Omar*. Retrieved from: <http://www.arkib.gov.my/web/guest/tan-sri-dato-elyas-omar>
- [7] Carian semasa (n.d). Anugerah Perdana Maulidur Rasul 2016. Retrieved from: <https://carianmaklumatsemasa.com/tag/anugerah-perdana-maulidur-rasul-2016/>
- [8] Darul Quran (n.d). *Sejarah Darul Quran*. Retrieved from: <http://www.darulquran.gov.my>
- [9] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2008). *50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia*. JAKIM, Cetakan Pertama, Kuala Lumpur: Visual Print Sdn. Bhd.
- [10] Khairul Anuar Mohamad (2021). *Panduan Lengkap Ilmu Tajwid al-Quran al-Karim*. Cetakan Pertama, Bandar Baru Bangi: Kasacetak Impresif Sdn Bhd.
- [11] Khairul Anuar Mohamad (28/10/2010). *Muhammad Nor Tokoh Qiraat*. Utusan Malaysia, Bicara Agama.
- [12] Khairul Anuar Mohamad (2005). *Tokoh Pendidik al-Quran di Malaysia: Dato Haji Muhammad Nur bin Haji Ibrahim*. Jurnal Ma'alim Quran dan Sunnah, 1. Retrieved from: <https://jmqs.usim.edu.my/index.php/jmqs/article/view/10/9271>.
- [13] Maktabah syamilah al-Hadith (n.d). *Arkib Forum Ahl Al-Hadith – 3*. Retrieved from: <https://al-maktaba.org/book/31616/5590#p1>
- [14] Muhammad Ibrahim Salim (1988). Diwan al-Imam al-Syafei al-Musamma al-Jawhar al-nafis Fi Syi'ri al-Imam Muhammad Ibn Idris. Kaherah: Maktabah Ibn Sina.
- [15] Prof Madya Dr Abdul Halim El-Muhammady (2006). Biografi Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1408-1426. Yg. Bhg Dato Haji Hasan bin Azhari 1423H/2002M, Kuala Lumpur: JAKIM.
- [16] Rim binti Ibrahim Ibn Muhammad al-Udhabi (2018). *Juhud al-Syeikh Ali al-Dabba' Fi Nasyr Ulum al-Quran wa al-Qiraat*. Jilid 35, bil 116, Kaherah: Majalah Kuliyah Dar al-Ulum.
- [17] Temubual dengan Dato Sallehudin bin Omar pada 3 Mac 2017 di Grand Puteri Ayer Keroh ketika Majlis Tilawah Dan Menghafaz Kebangsaan.

- [18] Temubual dengan Dato Sallehudin bin Omar pada 11 Januari 2018 di Institut Latihan Islam Malaysia Wilayah Timur (ILTIM) ketika Bengkel Pemilihan Ayat Majlis Tilawah Kebangsaan dan Antarabangsa.
- [19] Temubual dengan Ust Syeikh Kadri Abdul Hamid pada 7 Oktober 2021 melalui percakapan di atas talian.
- [20] Temubual dengan Ust Toriq bin Yaacob pada 2 November 2021 melalui percakapan di atas talian.
- [21] Temubual dengan Dato Dr Zulkifli Ali pada 8 September 2021 melalui percakapan di atas talian.